

Analisis Bibliometrik 30 tahun: Kajian Kesihatan Mental Dalam Kalangan Wanita di Asia Tenggara

Siti Halisa Binti Mustar, Redzuansha Bin Sailun, Mohammad Ridzuan Bin Abdul Sahid, Amirhan Bin Tamsir, Najah Afina Mohd Harun, Razima Hanim Osman,
Mohd Haazik Mohamed*

halisact@gmail.com, redzuansha_sailun_bp21@iluv.ums.edu.my,
ridzuanmohd0106@gmail.com, amirhantamsir@gmail.com, najah.harun@ums.edu.my,
razima@ums.edu.my, haazik@ums.edu.my

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author's e-mail: haazik@ums.edu.my

Received date: 20 November 2024 / Accepted date: 27 December 2024

Abstrak Kesihatan mental adalah aspek penting dalam kesejahteraan individu, dan wanita sering menghadapi cabaran unik dalam bidang ini. Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki status kesihatan mental wanita di Asia Tenggara, dengan menumpukan kepada prevalens, faktor risiko, dan akses kepada rawatan. Metodologi kajian merangkumi analisis literatur dari pelbagai sumber termasuk jurnal akademik, laporan kesihatan awam, dan kajian lapangan di beberapa negara utama di rantau ini seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Filipina. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa prevalens gangguan kesihatan mental dalam kalangan wanita di Asia Tenggara adalah tinggi, dengan masalah seperti kemurungan, kebimbangan, dan gangguan tekanan pasca-trauma (PTSD) menjadi yang paling umum. Faktor risiko yang dikenal pasti termasuk tekanan sosial, ekonomi, dan budaya, di samping faktor biologi dan genetik. Wanita di kawasan ini juga sering berdepan dengan stigma yang menghalang mereka daripada mencari bantuan dan rawatan yang diperlukan. Kajian ini menggunakan data yang diperolehi daripada pangkalan data scopus dengan menggunakan kaedah bibliometrik untuk menerangkan corak penerbitan berkaitan dengan kesihatan mental dalam kalangan wanita di Asia Tenggara dari tahun 1974 hingga 2024. Secara keseluruohnnya, sebanyak 325 dokumen berkaitan dengan topik yang didapati berdasarkan penggunaan scopus. Amerika Syarikat mencatatkan pengeluaran dokumen yang tertinggi iaitu sebanyak 83 dokumen. Keyword: Kesihatan mental, wanita, Asia Tenggara, scopus, kaedah bibliometrik

Kata kunci: Kesihatan mental, wanita, Asia Tenggara, VosView, analisis bibliometrik

Abstract Mental health is an important aspect of individual well-being, and women often face unique challenges in this area. This study aims to investigate the mental health status of women in Southeast Asia, focusing on prevalence, risk factors, and access to treatment. The study methodology includes a literature review from various sources, including academic journals, public health reports, and field studies from key countries in the region such as Malaysia, Indonesia, Thailand, and the Philippines. The findings of the study show that the prevalence of mental health disorders among women in Southeast Asia is high, with issues such as depression, anxiety, and post-traumatic stress disorder (PTSD) being the most common. Identified risk factors include social, economic, and cultural pressures, alongside biological and genetic factors. Women in this region also often face stigma that prevents them from seeking the necessary help and treatment. This study uses data obtained from the Scopus database, employing bibliometric methods to describe the publication patterns related to mental health among women in Southeast Asia from 1974 to 2024. A total of 325 documents related to the topic were found using Scopus. The United States recorded the highest number of documents, with 83 documents.

Keywords: Mental health, women, Southeast Asia, VosView, bibliometric analysis

PENGENALAN

Kesihatan mental dalam kalangan wanita di Asia Tenggara telah muncul sebagai isu kesihatan awam yang semakin mendesak, tetapi masih kurang mendapat perhatian yang sewajarnya. Kesihatan mental wanita kurang diberikan perhatian di negara-negara Asia Tenggara kerana wanita sering dikaitkan dengan isu reproduksi, seperti perancangan keluarga dan melahirkan anak serta terikat dengan norma patriarki dalam keluarga (Niaz & Hassan, 2006). Oleh itu, analisis bibliometrik mengenai isu kesihatan mental dalam kalangan wanita adalah penting kerana ia mendedahkan trend penyelidikan, kekosongan, dan cabaran yang muncul dalam bidang ini, serta memberi panduan untuk intervensi yang disasarkan dan memaklumkan dasar untuk menyokong kesejahteraan pekerja sosial dengan lebih baik. Oleh yang demikian kajian analisis

bibliometrik ini dijalankan bagi menganalisis dan mengenal pasti trend utama, kekosongan penyelidikan, dan penerbitan berpengaruh dalam kajian isu kesihatan mental dalam kalangan pekerja sosial sepanjang dekad yang lalu, serta memberi pandangan untuk penyelidikan dan amalan pada masa hadapan.

Dalam dekad yang lalu, literatur akademik mengenai topik kesihatan mental wanita di Asia Tenggara masih kurang mendapat perhatian. Wanita di Asia Tenggara sering terdedah kepada tekanan emosi yang disebabkan oleh norma budaya tradisional yang ketat dan ketidaksaaman gender dalam sosial. Kajian bibliometrik membolehkan analisis kuantitatif terhadap corak penerbitan dalam bidang ini, membantu mengenal pasti trend penyelidikan dan jurang pengetahuan yang perlu diisi.

Literatur kajian mengenai kesihatan mental wanita Asia Tenggara bermula daripada luar Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan pertumbuhan literatur mengenai kesihatan mental, termasuk dalam kalangan pekerja sosial. Sebagai contoh, analisis bibliometrik terhadap artikel berkaitan COVID-19 dalam bidang kerja sosial menunjukkan peningkatan ketara dalam penerbitan sejak tahun 2019, dengan jurnal seperti International Social Work menjadi peneraju dalam menerbitkan artikel berkaitan topik ini (Duru, 2024). Selain itu, kajian mengenai kesihatan mental semasa pandemik menekankan isu seperti kesihatan mental semasa isolasi, kesihatan mental dalam kalangan pekerja kesihatan, dan isu kesihatan mental awam (Chen et al. 2024).

Kajian bibliometrik mengenai kesihatan mental kanak-kanak dan remaja juga relevan, memandangkan pekerja sosial sering terlibat dalam intervensi dengan populasi ini. Analisis terhadap intervensi kesihatan mental kanak-kanak dan remaja dari tahun 1991 hingga 2024 menunjukkan corak dan politik dalam penyelidikan, yang dapat memberikan panduan bagi pekerja sosial dalam amalan mereka (Chen et al. 2024). Secara keseluruhan, analisis bibliometrik terhadap kajian kesihatan mental dalam kalangan pekerja sosial memberikan pemahaman mendalam tentang perkembangan penyelidikan dalam bidang ini, membantu mengenal pasti trend, cabaran, dan peluang untuk intervensi yang lebih berkesan.

METODOLOGI

Analisis bibliometrik telah dijalankan menggunakan perisian VOSviewer, menganalisis literatur dari pangkalan data Scopus. Program ini diakui oleh ramai sebagai salah satu yang paling popular digunakan di seluruh dunia untuk penyelidikan saintiometrik (Holman et al., 2018). Tambahan pula, Bibloshiny, pakej Rstudio untuk Bibliometric (Aria dan Cuccurullo, 2017), telah digunakan untuk menambah penyelidikan. Kajian

bibliometrik melibatkan carian dokumen pada pangkalan data Scopus. Set pertanyaan yang digunakan untuk carian dokumen dan digunakan pada tajuk, abstrak dan kata kunci ialah "penyelidikan kerja sosial", "analisis kerja sosial" kerana penekanan utama kajian ini ialah dokumen (cth., artikel, kertas persidangan, ulasan dan bab buku) tertumpu kepada penyelidikan kerja sosial. Keywords carian khusus yang digunakan ialah:

(TITLE-ABS-KEY (mental AND health AND southeast AND asia AND female) OR TITLE-ABS-KEY (mental AND health AND disorders AND among AND women AND in AND southeast AND asia) OR TITLE-ABS-KEY (depression OR anxiety AND among AND women AND in AND southeast AND asia) OR TITLE-ABS-KEY (postpartum AND depression OR postnatal AND depression AND among AND women AND in AND southeast AND asia) OR TITLE-ABS-KEY (mental AND health AND stigma AND in AND women AND in AND southeast AND asia)

HASIL KAJIAN


Analisis Kata Kunci

Analisis persebaran kata kunci memberikan pandangan tentang landskap tematik kajian, menerangkan topik-topik yang mendominasi dan bidang tumpuan dalam bidang penyelidikan kesihatan mental di kalangan wanita di Asia Tenggara. Kata kunci yang paling kerap muncul termasuk "Wanita" (n=10), "Lelaki" (n=7), "Kanak-kanak" (n=5), "Kesihatan Mental" (n=5), "Remaja" (n=4) dan "Penyakit Mental" (n=4), "Psikologi" (n=4), "Asia Tenggara" (n=4), "Eropah" (n=3), "Soal Selidik" (n=3), "Dewasa" (n=3), "Orang Tua" (n=2), "Pekerjaan" (n=55), "Bencana" (n=45), "Imej badan" (n=40).

Jadual 1

| Kata kunci | Kekerapan | Kekuatan Pautan Keseluruhan |
|------------------|-----------|-----------------------------|
| Wanita | 10 | 254 |
| Lelaki | 7 | 188 |
| Kanak-kanak | 5 | 115 |
| Kesihatan Mental | 5 | 152 |
| Remaja | 4 | 83 |
| Penyakit Mental | 4 | 114 |
| Psikologi | 4 | 94 |
| Asia Tenggara | 4 | 86 |
| Eropah | 3 | 73 |
| Soal Selidik | 3 | 81 |
| Dewasa | 3 | 76 |
| Orang Tua | 2 | 48 |
| Pekerjaan | 1 | 55 |
| Bencana | 1 | 45 |
| Imej Badan | 1 | 40 |

Jadual 10 kata kunci tertinggi.



Rajah 1: Peta rangkaian kekerapan semua kata kunci berdasarkan kekuatan pautan keseluruhan.

Analisis Kata Kunci Pengarang


Analisis pola kata kunci memberikan fokus menyeluruh tentang tema-tema utama kajian, sekaligus menekankan topik-topik dominan dan bidang fokus dalam penyelidikan kesihatan mental di kalangan pekerja sosial. Kata kunci ini sering digunakan oleh pengarang dalam

penerbitan mereka, mencerminkan keutamaan dan isu-isu utama yang mendapat perhatian dalam bidang ini. Kata kunci yang paling kerap muncul termasuk “Kesihatan mental” (n=2), “Asia” (n=1), “Imej badan” (n=1), “Disordered eating” (n=1), dan “Health inequity” (n=1).

Jadual 2

Jadual 10 kata kunci pengarang tertinggi.

| Kata kunci | Kekerapan | Kekuatan Pautan Keseluruhan |
|----------------------|-----------|-----------------------------|
| Kesihatan mental | 2 | 10 |
| Asia | 1 | 5 |
| Imej Badan | 1 | 5 |
| Disordered eating | 1 | 5 |
| Health inequity | 1 | 5 |
| Indonesia | 1 | 5 |
| Pekerja asing | 1 | 5 |
| Keyakinan diri | 1 | 5 |
| Tekanan Sosial | 1 | 5 |
| Tindak balas tekanan | 1 | 5 |
| Vulnerability | 1 | 5 |



Rajah 2: Peta rangkaian kekerapan kata kunci pengarang berdasarkan kekuatan pautan keseluruhan

Analisis negara penerbitan

Analisis negara, kawasan dan institusi telah memberikan gambaran tentang landskap penyelidikan kesihatan mental dalam kalangan wanita khususnya di Asia Tenggara. Jadual 3 menunjukkan negara Singapore yang paling banyak menyumbang dokumen ($n=43$) dan petikan ($n=843$), telah menunjukkan usaha penyelidikan penting dalam menangani masalah kesihatan mental wanita di Asia Tenggara. Tambahan pula, penyumbang tambahan ialah negara Taiwan dengan jumlah dokumen ($n=10$) dan petikan ($n=175$) dan negara Thailand dengan jumlah dokumen ($n=8$) dan petikan ($n=124$). Ini

menunjukkan bahawa sumbangan berharga untuk kajian mengenai bidang ini di Asia Tenggara masih terhad dalam menangani isu kesihatan mental dalam kalangan wanita terutamanya di Asia Tenggara. Negara Brunei Darussalam dengan jumlah dokumen ($n=2$) dan petikan ($n=9$) dan negara Philippines, jumlah dokumen ($n=1$) dan petikan ($n=122$) dengan mencerminkan sumbangan yang bernilai mengenai kajian dalam bidang ini di rantau Asia Tenggara masih kurang.


Jadual 3

Jadual 10 nama negara yang mempunyai penerbitan tertinggi.

| Negara | Dokumen | Rujukan/petikan | Kekuatan Pautan Keseluruhan |
|-------------------|---------|-----------------|-----------------------------|
| Singapore | 43 | 843 | 15 |
| Taiwan | 10 | 175 | 6 |
| Thailand | 8 | 124 | 10 |
| Malaysia | 7 | 122 | 7 |
| Hong Kong | 6 | 220 | 5 |
| China | 6 | 95 | 6 |
| Vietnam | 3 | 124 | 7 |
| Indonesia | 3 | 0 | 5 |
| Brunei Darussalam | 2 | 9 | 0 |
| Philippines | 1 | 122 | 5 |

Dalam Rajah 3, menunjukkan sumbangan semua negara kepada bidang kesihatan mental dan menggambarkan kerjasama global antara negara. Analisis rangkaian co-penulisan antara negara-negara berdasarkan pautan keseluruhan mereka, mendedahkan dua warna kluster. Dalam peta ini, setiap saiz bulatan adalah berkaitan

dengan bilangan dokumen dari negara yang sepadan. Nod dengan atribut biasa yang sama, seperti penulis bersama, diklasifikasikan sebagai gugusan dan ditunjukkan dalam warna yang sama.



Rajah 3: Peta rangkaian negara dalam literatur saintifik global.

Analisis Penerbitan Mengikut Negara



Rajah 4: Pengagihan bilangan dokumen bagi penyelidikan kesihatan mental dalam kalangan pekerja sosial. Warna kelabu menunjukkan negara yang tiada data tersedia.

Berdasarkan keputusan Scopus, analisis bibliometrik menunjukkan terdapat 10 buah negara yang telah terlibat dalam penerbitan yang berkaitan dengan topik ini. Penerbitan yang paling tinggi negara Singapore (n=43) dan negara Taiwan (n=10). Seterusnya, Thailand (n=8), Malaysia (n=7), Hong Kong (n=6), China (n=6). Terdapat 4 buah negara mencatatkan jumlah penerbitan kurang daripada 5 dokumen, antaranya vietnam (n=3), Indonesia (n=3), Brunei Darussalam (n=2), dan Philippines (n=1).

Analisis Organisasi

Dalam Jadual 4, institusi Department of Mood and Anxiety di Institute of Mental Health, Singapore (n=2) memainkan peranan penting dalam penyelidikan dan pemahaman mengenai gangguan mood dan kecemasan. Selain itu, institusi lain seperti Antibody & Product Development Lab di Singapore (n=1), Department of Psychology di James Cook University di Singapore (n=1), Centre of Excellence for Biomedical and Public Health Informatics (BioPHICS) di Mahidol University Bangkok, Thailand (n=1) juga terlibat dalam penyelidikan yang sama. Kerjasama ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesihatan mental dan pembangunan intervensi yang berkesan dalam kalangan wanita di Asia Tenggara.

Jadual 4:

Jadual 10 organisasi yang mempunyai sitasi tertinggi.


| Organisasi | Dokumen | Rujukan/ | Kekuatan |
|------------|---------|----------|----------|
|------------|---------|----------|----------|

| | | petikan | Pautan |
|--|---|-------------|--------|
| | | Keseluruhan | |
| Department Of Mood and Anxiety, Institute of Mental Health, Singapore | 2 | 27 | 335 |
| Antibody & Product Development Lab, Singapore | 1 | 5 | 356 |
| Department of Psychology James Cook University, Singapore | 1 | 5 | 356 |
| Centre of Excellence for Biomedical and Public Health Informatics (BioPHICS), Mahidol Bangkok, Thailand | 1 | 2 | 270 |
| The Biostatistics Excellence Centre at the Faculty of Medicine, Chulalongkorn University, Bangkok, Thailand | 1 | 2 | 270 |
| Chiangrai Prachanukroh Hospital, Chiangrai, Thailand | 1 | 2 | 270 |
| Division of Infectious Diseases within the Department of Pediatrics at the Faculty of Medicine, Khon Kaen University | 1 | 2 | 270 |
| HIV-NAT (HIV Netherlands Australia Thailand Research Collaboration) Research Centre, Thailand | 1 | 2 | 270 |
| Wenzhou Municipal Key Lab for Applied Biomedical and Biopharmaceutical Informatics, China | 1 | 5 | 356 |
| Zhejiang Bioinformatics International Science and Technology Cooperation Center, Wenzhou-Kean University, China | 1 | 5 | 356 |

Analisis rangkaian co-citation antara organisasi, berdasarkan kekuatan pautan keseluruhan mendedahkan kewujudan dua kluster utama, seperti yang digambarkan dalam Rajah 5. Kluster ini mencerminkan pola kerjasama yang signifikan dalam bidang penyelidikan berkaitan. Department of Mood and Anxiety, Institute of Mental Health, Singapore dikenal pasti sebagai nod pusat dalam rangkaian ini, menunjukkan kedudukannya yang penting sebagai institusi penyelidikan yang paling kerap dirujuk dan berpengaruh. Hubungan co-citation yang kuat antara institusi-institusi ini menunjukkan tahap kolaborasi saintifik dan pengaruh intelektual yang tinggi dalam penyelidikan yang dijalankan.

Dari segi kuantitatif, Department of Mood and Anxiety, Institute of Mental Health, Singapore mencatatkan bilangan petikan tertinggi ($n=27$), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Ini mengukuhkan peranannya sebagai penyumbang utama kepada penyelidikan dalam bidang ini.

Secara keseluruhannya, analisis ini menonjolkan peranan dominan institusi dari Singapura dalam lanskap penyelidikan serantau, disusuli oleh sumbangan yang signifikan daripada institusi di China dan Thailand. Penemuan ini mencerminkan pola kerjasama yang kukuh di rantau Asia, yang menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang mood dan keimbangan.



Rajah 5: Peta rangkaian organisasi di peringkat global.

Analisis Pengarang

Sebanyak 265 pengarang yang dipetik dalam kajian menyumbang kepada penyelidikan mengenai kesihatan mental dalam kalangan wanita di Asia Tenggara. Analisis mengenai pengarang dalam kajian ini menerangkan tentang penyumbang utama kepada bidang kesihatan mental di kalangan wanita khususnya di rantau Asia Tenggara. Dalam Jadual 5, Chong, Siow Ann muncul sebagai pengarang yang paling banyak dipetik dengan (n=170) petikan, menunjukkan

pengiktirafan dan pengaruh yang besar dalam penyelidikan. Selain itu, penyertaan pengarang lain seperti Subramaniam, Mythily dengan jumlah petikan (n=114) serta Vaingankar, Janhavi Ajit dengan jumlah petikan (n=140) yang menekankan sifat kolaboratif dalam penyelidikan kesihatan mental, mencerminkan usaha Bersama untuk memajukan pengetahuan dan memperkembangkan ilmu dalam bidang ini.


Jadual 5:

Jadual 10 nama pengarang yang mempunyai sitasi tertinggi.

| Author | Citations | Total Link Strength |
|--------------------------|------------------|----------------------------|
| Chong, Siow Ann | 170 | 72 |
| Subramaniam, Mythily | 114 | 72 |
| Vaingankar, Janhavi Ajit | 140 | 44 |
| Abdin, Edimansyah | 92 | 56 |
| Shafie, Saleha | 25 | 39 |
| Verma, Swapna | 69 | 27 |
| Mok, Yee Ming | 30 | 26 |
| Shahwan, Shazana | 20 | 24 |
| Chua, Boon Yiang | 20 | 23 |
| Sambasivam, Rajeswari | 10 | 22 |

Analisis rangkaian co-citation menunjukkan bahawa majoriti penyelidik berkait antara satu sama lain. Pengarang ini dikategorikan ke dalam dua kluster. Chong, Siow Ann mempunyai rangkaian kerjasama

antara pengarang yang paling tinggi (n=72), diikuti oleh Subramaniam, Mythily (n=72), Vaingankar, Janhavi Ajit (n=44), Abdin, Edimansyah (n=56) serta Shafie, Saleha (n=39) dan rangkaian kerjasama penulis ditunjukkan dalam Rajah 6.



Rajah 6: Peta rangkaian sitasi pengarang dalam literatur saintifik.

PERBINCANGAN

Analisis bibliometrik yang dijalankan menunjukkan beberapa tema utama dalam penyelidikan kesihatan mental dalam kalangan Wanita di Asia Tenggara. Berikut merupakan kata kunci utama yang ditemui dalam penyelidikan ini:

Kesihatan Mental

Kesihatan mental merupakan tema yang penting dalam kajian sosial, terutamanya dalam konteks Asia. Masalah kesihatan mental sering dikaitkan dengan stigma sosial, kurangnya kesedaran, dan akses terhadap kepada perkhidmatan kesihatan mental yang berkualiti (Subramaniam et al., 2021). Di kawasan luar bandar dan dalam kalangan kumpulan minoriti, stigma terhadap masalah kesihatan mental masih menjadi penghalang utama kepada rawatan (Ng et al., 2020). Oleh itu, penyelidikan masa depan perlu menumpukan perhatian kepada strategi untuk mengurangkan stigma dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental, terutamanya melalui program berdasarkan komuniti dan penggunaan teknologi seperti telekesihatan.

Asia

Asia, sebagai rantaian yang luas dan pelbagai, menghadapi pelbagai cabaran kesihatan sosial dan mental. Kajian menunjukkan bahawa struktur budaya dan sosioekonomi di Asia mempengaruhi cara masyarakat memahami dan menangani isu sosial seperti kesihatan mental, ketidaksaaman kesihatan, dan tekanan sosial (Yoo et al., 2020). Di Asia Tenggara khususnya, dasar-dasar kesihatan yang tidak seragam sering menimbulkan jurang dalam akses perkhidmatan (Ng et al., 2020). Kajian masa depan perlu memfokuskan kepada pendekatan lintas budaya untuk memahami kesan faktor budaya terhadap dasar kesihatan awam.

Imej Badan

Imej badan adalah isu yang semakin mendapat perhatian, terutamanya dalam kalangan remaja di Asia. Kajian mendapati bahawa pengaruh media sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketidakpuasan imej badan, yang sering dikaitkan dengan gangguan pemakanan (Perloff, 2014).

Budaya Asia yang mempromosikan standard kecantikan tertentu turut memperburukkan keadaan ini (Jackson & Chen, 2015). Penyelidikan masa depan boleh menumpukan kepada pendidikan literasi media bagi membantu individu menilai kandungan media secara kritikal dan membina keyakinan diri yang lebih positif.

Eating Disordered

Gangguan pemakanan atau *eating disordered* menjadi isu kesihatan mental yang signifikan di Asia, khususnya dalam kalangan remaja perempuan. Tekanan sosial untuk memenuhi standard kecantikan yang tinggi sering menjadi pemangkin kepada masalah ini (Chng et al., 2018). Penyelidikan juga menunjukkan bahawa sokongan keluarga dan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam menangani masalah gangguan pemakanan (Ho et al., 2016). Oleh itu, intervensi berbentuk sokongan keluarga dan pendidikan pemakanan yang holistik wajar dikaji dengan lebih mendalam.

Health Inequity

Ketidaksamaan kesihatan atau *health inequity* kekal sebagai isu global yang memberi impak kepada negara-negara Asia. Golongan yang kurang bernasib baik, seperti pekerja asing dan komuniti miskin, sering terpinggir dalam akses kepada perkhidmatan kesihatan (Benach et al., 2011). Tambahan pula, jurang ekonomi yang ketara dalam masyarakat juga menyumbang kepada ketidaksamaan kesihatan (Yoo et al., 2020). Penyelidikan masa depan boleh menilai dasar-dasar kesihatan yang lebih inklusif untuk mengurangkan jurang kesihatan antara pelbagai kumpulan masyarakat.

Indonesia

Indonesia, sebagai negara dengan populasi keempat terbesar di dunia, menghadapi cabaran unik dalam aspek kesihatan sosial. Sebagai contoh, masalah kesihatan mental dan ketidaksamaan kesihatan sangat ketara di kawasan luar bandar yang kurang mendapat perhatian (Kusuma et al., 2019). Kajian masa depan perlu menumpukan kepada strategi untuk memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental dan fizikal melalui inovasi seperti telekesihatan dan mobilisasi perkhidmatan kesihatan.

Pekerja Asing

Pekerja asing sering terdedah kepada tekanan kerja, diskriminasi, dan kekurangan sokongan sosial. Kajian menunjukkan bahawa golongan ini menghadapi risiko lebih tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental akibat keadaan kerja yang sukar dan persekitaran yang tidak menyokong (Wickramage et al., 2018). Oleh itu, penyelidikan masa depan boleh menilai keberkesanan intervensi sokongan psikososial dan dasar perlindungan pekerja asing.

Keyakinan Diri

Keyakinan diri adalah aspek penting dalam kesejahteraan individu, terutamanya dalam menghadapi cabaran sosial dan profesional. Kajian mendapati bahawa tahap keyakinan diri yang rendah boleh menyumbang kepada masalah kesihatan mental seperti kebimbangan dan depresi (Orth & Robins, 2014). Intervensi seperti latihan pengukuhan keyakinan diri dan terapi berdasarkan kognitif telah menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi (Neff, 2011).

Tekanan Sosial

Tekanan sosial adalah faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental individu. Persekutuan kerja yang toksik, tekanan akademik, dan pengaruh media sosial adalah antara punca utama tekanan sosial (Lazarus & Folkman, 1984). Kajian menunjukkan bahawa strategi daya tindak seperti sokongan sosial dan latihan pengurusan tekanan adalah penting untuk mengurangkan kesan tekanan sosial (Karasek & Theorell, 1990).

Tindak Balas Tekanan dan Kerentanan

Individu yang terdedah kepada tekanan sering menunjukkan tindak balas yang berbeza, bergantung kepada tahap kerentanan mereka. Kajian menunjukkan bahawa individu dengan sokongan sosial yang rendah lebih cenderung untuk mengalami masalah psikologi akibat tekanan (Hobfoll, 1989). Oleh itu, kajian masa depan perlu menilai intervensi yang menumpukan kepada penguatan daya tahan individu terhadap tekanan.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada analisis ini menunjukkan bahawa tematema seperti kesihatan mental, imej badan, gangguan pemakanan, ketidaksamaan kesihatan, dan isu pekerja asing merupakan antara isu yang penting dan relevan dalam konteks sosial dan budaya di Asia. Kajian-kajian sedia ada menunjukkan bagaimana faktor sosial, budaya, dan ekonomi mempengaruhi kesejahteraan individu, khususnya dalam menangani stigma terhadap kesihatan mental, tekanan sosial, dan jurang akses kepada perkhidmatan kesihatan. Peranan media sosial yang semakin meluas juga mempengaruhi persepsi imej badan dan tingkah laku berkaitan gangguan pemakanan, yang memerlukan pendekatan berbentuk pendidikan literasi media dan sokongan psikososial untuk mengurangkan kesan negatifnya.

Bagi cadangan kajian masa depan, penyelidikan boleh menumpukan kepada keberkesanan program telekesihatan dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental, terutama di kawasan luar bandar. Di samping itu, kajian mengenai keberkesanan pendidikan literasi media boleh dilakukan untuk menangani isu imej badan yang berkait dengan penggunaan media sosial. Dalam konteks pekerja asing, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk menilai keberkesanan dasar perlindungan pekerja asing, terutama dalam aspek sokongan psikososial. Selain itu, kajian lintas budaya mengenai ketidaksamaan kesihatan boleh membantu memahami bagaimana dasar kesihatan yang inklusif dapat mengurangkan jurang kesihatan dalam masyarakat. Akhir sekali, penyelidikan tentang intervensi daya tahan psikologi bagi menangani tekanan sosial dalam kalangan

remaja dan golongan bekerja boleh memberikan pandangan baru dalam menangani cabaran psikososial yang semakin kompleks. Kajian masa depan yang berfokus kepada pendekatan inklusif dan berasaskan komuniti diharapkan dapat memberikan penyelesaian yang lebih holistik terhadap isu-isu ini.

RUJUKAN

- Aria, M. and Cuccurullo, C. (2017) Bibliometrix: An R-tool for Comprehensive Science Mapping Analysis. *Journal of Informetrics*, 11, 959-975.<https://doi.org/10.1016/j.joi.2017.08.007>
- Charlson, F. J., Chen, S. (2024). Social Work and Healthcare at the Crossroads. In: Chen, S., Wei, L. (eds) *Interdisciplinary Research on Healthcare and Social Service. International Perspectives on Social Policy, Administration, and Practice*. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-031-69602-2_1
- Duru, S. (2024). Bibliometric analysis of social work in the COVID-19 pandemic. *International Social Work*, 0(0). <https://doi.org/10.1177/00208728241292648>
- Holman, D., Lynch, R., & Reeves, A. (2018). How do health behaviour interventions take account of social context? A literature trend and co-citation analysis. *Health*, 22(4), 389–410. <https://doi.org/10.1177/1363459317695630>
- Niaz, U., & Hassan, S. (2006). Culture and mental health of women in South-East Asia. *World psychiatry : official journal of the World Psychiatric Association (WPA)*, 5(2), 118–120.
- Benach, J., Muntaner, C., Chung, H., & Benavides, F. G. (2011). Immigration, employment relations, and health: Developing a research agenda. *American Journal of Industrial Medicine*, 54(4), 300–307. <https://doi.org/10.1002/ajim.20974>
- Chng, S. C., Fassnacht, D. B., Lee, H. J., & Lindner, A. (2018). Disordered eating behaviors and body image concerns in Singapore: The role of gender, ethnicity, and acculturation. *Body Image*, 26, 58–66. <https://doi.org/10.1016/j.bodyim.2018.06.002>
- Ho, S. Y., Mak, K. K., & Lai, C. M. (2016). The role of family support and school environment in adolescent disordered eating. *Health Psychology Open*, 3(2), 1–8. <https://doi.org/10.1177/2055102916668156>
- Jackson, T., & Chen, H. (2015). Sociocultural predictors of body image and eating concerns among adolescent girls and young women from China. *Sex Roles*, 52(1–2), 129–137. <https://doi.org/10.1007/s11199-005-1193-5>
- Kusuma, Y. S., & Babu, B. V. (2019). Migration and health inequity in Southeast Asia: Role of social determinants. *Global Health Action*, 12(1), 1603589. <https://doi.org/10.1080/16549716.2019.1603589>
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). Stress, appraisal, and coping. Springer.
- Ng, C. W., Amer Siddiq, A. N., & Aida Syafinaz, M. A. (2020). Mental health stigma in Asia: How is it being tackled? *Asia-Pacific Psychiatry*, 12(3), e12387. <https://doi.org/10.1111/appy.12387>
- Perloff, R. M. (2014). Social media effects on young women's body image concerns: Theoretical perspectives and an agenda for research. *Sex Roles*, 71(11–12), 363–377. <https://doi.org/10.1007/s11199-014-0384-6>
- Subramaniam, M., Abdin, E., Vaingankar, J. A., & Chong, S. A. (2021). Mental disorders in Asia: Challenges and opportunities. *Epidemiology and Psychiatric Sciences*, 30, e16. <https://doi.org/10.1017/S2045796021000103>
- Wickramage, K., De Silva, M., Peiris, S., & Jayasuriya, R. (2018). Health of migrant workers in Sri Lanka: A call to action. *Ceylon Medical Journal*, 63(4), 147–150. <https://doi.org/10.4038/cmj.v63i4.8745>

